



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
National University of Malaysia

Jabatan Bendahari • Bursar's Office

70

✓ Rujukan: UKM 3.1/224/8 Jld.IX
 Tarikh : 25 November 2008

PEKELILING BENDAHARI BIL. 17/2008

Dekan/Pengarah/Ketua
 Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan
 Universiti Kebangsaan Malasysia

YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan,

**TARIKH AKHIR MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN PESANAN RASMI (BPPR) DAN
 INBOIS TAHUN 2008 BAGI TUJUAN PENUTUPAN AKAUN UNIVERSITI KEBANGSAAN
 MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Universiti perlu membuat penutupan akaun bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Bagi membolehkan penutupan akaun tersebut berjalan dengan lancar, semua Pusat Tanggungjawab diminta mengikuti jadual berkaitan urusan perolehan dan bayaran bil-bil tahun 2008 seperti berikut:-

Bil	Perkara	Tarikh Akhir
1	Tarikh akhir terima Borang Permohonan Pesanan Rasmi (BPPR) oleh Jabatan Bendahari	15 Disember 2008
2	Tarikh akhir pembelian terus tanpa Pesanan Rasmi bagi perolehan kurang daripada RM 1,000 oleh Pusat Tanggungjawab (tertakluk kepada kedudukan peruntukan yang mencukupi)	15 Disember 2008
3	Tarikh akhir terima semua bil atau inbois oleh Jabatan Bendahari untuk pembayaran dengan menggunakan peruntukan tahun 2008	24 Disember 2008
4	Kerja-kerja penyelengaraan data dan sistem (Sistem Kewangan Universiti) oleh Pusat Teknologi Maklumat	25-31 Disember 2008



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006

Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
 Telefon: 03-89253000/ 5148 Faksimili: 03-89253058 Laman web: www.ukm.my/
 Mel-e:

2. Bagi Pusat Tanggungjawab yang tidak dapat menghabiskan atau melengkapkan pembelian peralatan di bawah peruntukan mengurus tahun 2008, peruntukan berkenaan dianggap luput dan tidak boleh di bawa ke tahun hadapan
3. Bagi bil atau inbois tahun 2008 yang tidak dikemukakan sebelum **24 Disember 2008** akan dibayar menggunakan peruntukan tahun 2009.

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan mengenai perkara di atas amat dihargai.

Yang benar,


MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k: Naib Canselor, UKM

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.

Pendaftar, UKM



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006

Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603 9054 3000 | Faks: +603 9025 3058 | Laman web: www.ukm.my/